

**TEKS UCAPAN**  
**YBHG. PROFESOR DATUK Ts. DR. MASSILA KAMALRUDIN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**MAJLIS MAKAN MALAM  
PUTRA LAGENDA, MELAKA**

24 Jun 2024, 8.00 Malam  
Courtyard by Marriot

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## **SALUTASI**

-seperti di lampiran

1. Sempena hari yang penuh barakah ini, saya mewakili seluruh warga UTeM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian Yang Dikasihi Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan hadir pada hari ini di Majlis Makan Malam Putra Lagenda, Melaka.

---

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

2. Seperti yang telah dimaklumkan oleh Datuk Wira Nur Azmi sebentar tadi, majlis makan malam ini merupakan **inisiatif bersama di antara Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan juga Melaka Football Club (MFC)** dalam meraikan pelantikan Tuan yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam sebagai Yang di-Pertua Negeri Melaka bagi penggal ke-2. Kami di UTeM mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan yang Terutama Tun.

---

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

3. Untuk makluman bersama, pelantikan Tuan yang Terutama Tun ini sangat bermakna bagi kami di UTeM kerana **Canselor UTeM adalah Yang di-Pertua Negeri Melaka.** Ini bermakna kami masih lagi akan mendapatkan khidmat penasihat dari Tuan yang Terutama Tun dan semoga segala cadangan yang telah diberikan dari segi pembangunan dan juga kemajuan UTeM sebelum ini akan dapat diteruskan. Dan saya rasa sangat gembira kerana masih lagi dapat berkhidmat bersama Tuan yang Terutama Tun.

---

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

4. Selama Tuan Yang Terutama Tun menjadi Canselor UTeM, terdapat pelbagai sumbangan idea dan juga bantuan yang telah diberikan kepada UTeM untuk menjadi salah sebuah universiti yang terkemuka di Malaysia. Dan Alhamdulillah pada tahun lepas UTeM buat pertama kalinya telah diumumkan di dalam senarai **QS World University Rankings bagi tahun 2024** dan pada tahun ini UTeM masih lagi berada di dalam senarai tersebut. Kejayaan ini merupakan hasil bimbingan daripada Tuan yang Terutama

Tun dalam memastikan UTeM memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua.

5. Bukan itu sahaja, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus mencatatkan kejayaan cemerlang menjadi **juara berganda dalam kalangan Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN)** apabila mencapai kadar Kebolehpasaran Graduan (GE) **2023 97.7%**. Alhamdulillah UTeM kini telah menjadi perhatian dan buruan industri dalam mencari bakat yang berkualiti yang

mana terbukti dengan enrolmen pelajar 102% untuk semester 1 2023/2024.

**Yang dikasihi Tuan yang Terutama Tun, Yang Amat Berbahagia  
Toh Puan serta hadirin dan hadirat sekalian,**

6. Ramai beranggapan bahawa peranan Canselor di sesebuah universiti awam adalah sebagai Ketua Universiti yang hanya berperanan untuk mempengerusikan konvokesyen di universiti semata-mata. Namun, bagi kami peranan Tun sebagai Canselor

lebih besar dan sangat bermakna untuk kesejahteraan dan pembangunan UTeM. Kami sangat bersyukur Tun adalah Canselor kami. Kerana Tun lah UTeM ini ditubuhkan dan dibangunkan di Durian Tunggal


7. Alhamdulillah kami bersyukur kerana mempunyai **seorang canselor yang sangat mengambil berat dan sentiasa memberikan idea-idea yang bernas dalam memastikan UTeM terus kehadapan.** Saya sendiri banyak belajar daripada nasihat

dan teguran berkaitan dengan pentadbiran dan yang paling jelas berkenaan dengan ***Management by Meeting*** yang saya sendiri praktikkan di UTeM.

8. Walaupun sibuk dengan tugasan dan tanggungjawab yang lain, Tuan Yang Terutama Tun sentiasa meluangkan masa dengan menyertai program-program yang dianjurkan UTeM seperti Majlis Iftar, Sambutan Hari Raya dan juga program-program bersama dengan pelajar. Untuk makluman Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan, turut hadir pada majlis ini

adalah Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang baru sahaja dilantik bagi sesi 2024/2025.



- 
9. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan jutaan tahniah dan penghargaan kepada Tuan yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan di atas kelapangan hadir bersama di majlis pada hari ini.
  10. Sekalung penghargaan dan terima kasih juga kepada Jawatankuasa program yang komited dalam memastikan majlis ini dapat dilaksanakan mengikut perancangan.

---

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

